

23 JAN 1996

Kabinet - Gaji

KABINET AKAN BINCANG PELARASAN GAJI ESOK

KUALA LUMPUR, 23 Jan (Bernama) -- Kabinet akan membincangkan pelarasan gaji kakitangan awam yang masih belum dipersetujui dengan Kongres Kesatuan Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) pada mesyuarat mingguannya esok, kata Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim hari ini.

Anwar, yang juga Menteri Kewangan, berkata maklumat terakhir yang diterima kerajaan ialah Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) tidak dapat menyelesaikan pelarasan gaji itu sebelum Hari Raya.

" Kita mahukan JPA dan CUEPACS mencapai persetujuan dalam perkara itu dan kalau ini tercapai ia boleh dikeluarkan sebelum Hari Raya Puasa. Tetapi maklumat yang kita terima setakat ini JPA tidak dapat membuatnya," katanya kepada pemberita selepas merasmikan program Penghayatan Bulan Ramadan Kementerian Kewangan di sini.

Sabtu lepas, Ketua Pengarah JPA, Datuk Dr Mazlan Ahmad berkata sungguhpun JPA telah membuat penilaian terhadap cadangan baru CUEPACS dan didapati beberapa alternatif dibawa kepada perhatian kerajaan tetapi besar kemungkinan bayaran pelarasan gaji itu tidak dapat dibuat sebelum Hari Raya Puasa kerana kesuntukan masa.

Anwar berkata sememangnya hasrat kerajaan dan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya pelarasan gaji itu dikeluarkan sebelum Hari Raya Puasa.

Mengenai laporan kononnya Malaysia dan beberapa negara Asia lain seperti Taiwan dan Cina terbabit dalam kegiatan longgokan di Eropah, katanya, kerajaan telah memperolehi laporan mengenainya.

Bagaimanapun, katanya, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri sedang meneliti perkara itu.

Mengenai laporan sebuah akhbar berbahasa Cina yang menyatakan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) akan menurunkan kadar faedah daripada lapan peratus kepada 7.1 peratus, Anwar berkata itu hanyalah satu spekulasi dan laporan itu bukan daripada sumber rasmi.

Anwar juga berkata beliau belum menerima sebarang cadangan daripada KWSP untuk menurunkan kadar faedah itu.

Apabila ditanya adakah kadar faedah lapan peratus dikekalkan atau dinaikkan, katanya, kerajaan perlu menelitinya dahulu.

Semasa berucap pada majlis itu, katanya, rakyat tidak harus memperkecilkan kejayaan yang dicapai oleh negara ini.

Katanya, sekiranya kejayaan yang dicapai oleh negara ini dibandingkan dengan negara-negara Islam lain, Malaysia dianggap lebih baik dan rakyat harus bersyukur.

Menurutnya, dalam menghadapi bulan Ramadan, umat Islam perlu insaf dan menanamkan sikap disiplin serta mempunyai sikap reformasi dalam diri serta keluarga agar mereka menjadi umat yang lebih baik.

Katanya, umat Islam perlu mengambil kesempatan bulan puasa membawa perubahan membetulkan kefahaman pada diri sendiri terhadap agama agar mereka tidak terikat dengan pengertian ritualistik.

Menurutnya, umat Islam, yang masih lemah dalam penghayatan agama, perlu turut tingkatkan ilmu dan perpaduan serta rasa kasih sayang.

" Di mana kesilapannya dalam umat Islam. Orang beragama lain tidak berpuasa tetapi disiplin mereka lebih baik daripada kita. Anak muda kita ramai berpuasa tetapi ramai terlibat dalam masalah sosial, " katanya.

Menurutnya, umat Islam juga perlu berjimat cermat dan insaf serta ingatkan diri sendiri dan jangan mudah mencari kesilapan orang lain. --

Bernama.